

# 'Saya akan laksanakan

BH 20 AUG 2000

OLEH MINARNI MAT  
SAAD DAN FAZALAH  
PIT

SHAH ALAM: Menteri Besar Selangor yang baru dilantik, Dr Mohamad Khir Toyo, 35, memberi jaminan menukarkan sistem pentadbiran lama kepada sistem terbuka yang membolehkan rakyat bertemu dengan beliau pada bila-bila masa sama ada di rumah ataupun di pejabat.

Beliau berkata, sebagai MB dari kalangan Pemuat Umno, beliau akan menggunakan pengalaman itu untuk

menangani hati rakyat, terutama golongan muda yang menjadi fokus utama beliau.

Katanya, beliau akan menggunakan sistem terbuka kepada rakyat membolehkan mereka menemuinya secara terus tanpa perlu melalui tapisan di peringkat pegawai.

"Seluruh rakyat, termasuk golongan muda boleh datang berjumpa saya bila-bila masa. Gunakan peluang ini untuk bersama-sama kerajaan negeri meningkatkan pembangunan insan yang menjadi matlamat utama saya.

"Saya akan memberi tumpuan kepada pembangunan

insan kerana tiada guna negeri kita maju dan membangun sedangkan aspek kerohanian kita runtuh," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Umno di sini, semalam.

Ditanya mengenai peribadinya yang agak low-profile dan kurang bercakap, Dr Mohamad Khir berkata, "Biar kurang bercakap tetapi kita buat hayvak kerja."

Sementara itu, majlis mengangkat sumpah Dr Mohamad Khir sebagai MB Selangor yang ke-14 akan berlangsung di hadapan Pemangku Raja Selangor, Teng-

ku Idris Shah di Istana Alam Shah, 24 Ogos ini.

Pada majlis yang akan berlangsung kira-kira jam 9.30 pagi, itu Dr Mohamad Khir, akan menerima watakah pelantikan sebaej MB daripada Tengku Idris.

Bagaimanapun, sama ada upacara mengangkat sumpah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang baru akan diadakan pada hari yang sama masih belum dapat diputuskan.

Ini berikutan, senarai Exco yang sedia ada masih dikkalkan selagi tiada rombakan dibuat dan jika ada Exco

## sistem terbuka'

yang digugurkan dan pelantikan baru dibuat sebelum 24 Ogos ini, maka upacara mengangkat sumpah Exco akan turut berlangsung serentak.

Dr Mohamad Khir ketika ditanya pemberita adakah beliau akan membuat sebarang rombakan dalam senarai Exco sedia ada, berkata beliau masih belum dapat memberikan apa-apa komen selagi belum berbincang dengan mereka yang lebih senior dalam politik serta pentadbiran kerajaan negeri.

"Saya akan berbincang dengan seluruh peringkat ke-

pimpinan Umno mengenai perkara ini dan setakat ini belum memikirkan apa-apa rombakan," katanva di Bangunan Umno Selangor, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Syeaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Onn Ismail.

Sementara itu, ditanya mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri, Dr Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang awal pagi tadi, Dr

Mohamad Khir berkata, dalam perjumpaan ringkas itu, Dr Mahathir menasihatkan beliau supaya melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan amanah.

"Beliau mengamanahkan kepada saya untuk memastikan perpaduan seluruh rakyat di Selangor dikkalkan," katanya.

Dr Mohamad Khir turut melawat Datuk Seri Abu Hassan Omar di kediaman Menteri Besar di Bukit Megawati, Seksyen 7, di sini, untuk meminta restu sebagai Menteri Besar yang baru.